

Asal hidup pandai berbudi

■ Sukarelawan iM4U jayakan lebih 500 program khidmat masyarakat di seluruh negara tahun lalu



OLEH:
**Abdul Kahar
Abdullah**
Pengarah Perhubungan
Kerajaan

NBOS

Selaras dengan objektif penubuhan iM4U untuk menggerakkan belia dalam bidang kesukarelawanan yang bersifat 'nation building', iM4U sentiasa bersedia tampil memberi sokongan padu dalam menjayakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Sepanjang 2013, lebih 500 program kesukarelawanan dijalankan yang memberi manfaat kepada pelbagai peringkat golongan seperti pelajar sekolah, orang kelainan upaya, anak yatim, orang tua dan sebagainya.

Sebagai penutup tirai 2013 sebagai Tahun Sukarelawan Malaysia, iM4U menjalankan aktiviti serentak di seluruh negara untuk menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa pada 5 Disember 2013.

Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 5 Disember setiap tahun disambut sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi mengiktiraf peranan yang dimainkan semua sukarelawan dalam menjayakan pelbagai program dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia.

Hari Sukarelawan Antarabangsa memberi peluang kepada sukarelawan, masyarakat umum, pihak kerajaan dan agensi kerajaan serta pihak swasta bekerjasama bagi mencapai sesuatu tujuan berasaskan semangat kesukarelaan.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini membolehkan semua negara mempromosikan sikap tanggungjawab, disiplin, semangat kerjasama, cinta negara dan sifat prihatin rakyat mereka kepada dunia.

Ini adalah satu landasan dan peluang terbaik bagi mengumpulkan orang ramai untuk tampil membantu, menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan.

Ia juga dilihat sebagai satu usaha membolehkan mereka untuk meluaskan jaringan kerjasama antara sukarela-

wan dengan masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) mahupun persatuan tempatan.

Sukarelawan iM4U melalui misi sukarelawan berhasrat meringankan beban mangsa dan mengharapkan lebih ramai orang awam akan tampil ke hadapan untuk mendaftarkan diri sebagai sukarelawan.

Program iM4U seperti Cook4U (sukarelawan iM4U bersama-sama penduduk tempatan memasak dan mengagihkan makanan kepada rumah orang tua dan anak yatim), Tourism4U (sukarelawan iM4U mengedarkan risalah/maklumat untuk mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2014), Tarian4U (mengajar tarian kepada kanak-kanak di pusat pemuliharaan) dan pelbagai program gotong-royong dijalankan di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak pada hari tersebut.

Kami bangga iM4U bersedia berkhidmat mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, pada hari tersebut, Segamat, Johor dilanda banjir.

Sukarelawan iM4U menjalankan tindakan proaktif dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan program Bantuan Banjir di Johor.

Mereka bersama-sama memasak juadah makanan yang kemudiannya diagihkan kepada mangsa banjir.

iM4U juga menggerakkan iM4U Outreach Centre yang berada di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk melaksanakan misi bantuan



SUKARELAWAN membantu membersihkan rumah seorang mangsa banjir.

banjir ini.

Sebanyak 14 IPT yang terdiri daripada universiti, politeknik dan kolej komuniti mengambil bahagian dalam misi bantuan banjir ini dengan pembabitian 3,000 sukarelawan.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dijadikan pusat operasi bantuan banjir untuk daerah Kuantan.

Beberapa siri program bantuan juga dijalankan di Kuantan memandangkan Kuantan adalah kawasan yang paling teruk dilanda banjir.

Salah satu siri bantuan yang dijalankan pada 7 dan 8 Disember 2013 membabitkan Outreach Centre UTM Jengka dan Shah Alam dan Kolej komuniti Rompin serta Street Team iM4U, Radio ERA

dan Sinar FM dengan jumlah sukarelawan kira-kira 200 orang.

Program bantuan banjir ini menumpukan dua tempat iaitu SMK Paya Besar dan kediaman di Sungai Isap, Kuantan.

Lebih 8,000 mangsa banjir ditempatkan di SMK Paya Besar dan sukarelawan kami membantu membersihkan pusat penempatan banjir ini supaya ia kembali kepada sedia kala bagi permulaan tahun persekolahan 2014.

Sepanjang enam jam mereka berada di sekolah ini, sukarelawan iM4U berjaya membersihkan lumpur dan

membuang semua sampah sarap yang terkumpul ketika mangsa banjir berada di sana.

Mereka juga bertungkus-lumus mengatur semula bilik darjah, dewan sekolah, kantin dan taman sekolah.

Pada masa sama, iM4U menerima rayuan daripada seorang warga emas yang menetap di Kampung Sungai Isap untuk membantu membersihkan rumahannya.

Cik Siti Hawa Majid yang ibunya berkerusi roda tinggal tiga beranak dengan adiknya, tetapi mereka tidak berupaya untuk mengeluarkan barang yang rosak mahupun

membersihkan air berlumpur yang naik setinggi enam kaki.

Seramai 20 orang sukarelawan iM4U bergegas ke Kampung Sungai Isap untuk misi bantuan ini.

Kerja pembersihan ini diteruskan lagi sukarelawan daripada Outreach Centre Kolej Komuniti Rompin pada hari berikutnya sehinggalah seluruh rumah dan peralatan selesai dibersihkan.

Selain itu, beberapa kumpulan sukarelawan iM4U yang lain menjalankan kerja pembersihan di rumah mangsa banjir yang lain, pusat jagaan kanak-kanak dan balai raya yang teruk dilanda banjir di sekitar Taman Sungai Isap, Kuantan.

Sukarelawan iM4U pulang dengan seribu satu pengalaman dan tekad untuk terus bekerjasama bagi mencapai sesuatu tujuan berasaskan semangat kesukarelaan.

Pihak Pengurusan iM4U juga berasakan iM4U harus menubuhkan pasukan tindak balas pantas (Rapid Response Team) supaya dapat memberi khidmat yang lebih cekap, teratur dan efektif.

Lanjutan daripada itu, hasil kerjasama dengan Pasukan Bomba dan Penyelamat, Komuniti iM4U Bomba akan ditubuhkan di mana sukarelawan iM4U akan dilatih Jabatan Bomba Selangor. Bagi peringkat permulaan, 20 kakitangan dan sukarelawan iM4U terpilih akan dilatih secara berperingkat untuk sedia berkhidmat dalam suasana kecemasan dan bencana.

FAKTA
14 IPT ambil
bahagian misi
bantuan banjir



14 IPT sukarelawan mengangkat barang yang rosak akibat banjir di sebuah sekolah di Kuantan.

KHIDMAT baik diurus sukarelawan iM4U bantu hilangkan beban masyarakat.